

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 NOVEMBER 2016

Hambar, isyarat rakyat muak dengan Dr. M

LARUT 22 Nov. - Sambutan hambar yang diterima terhadap perhimpunan haram Bersih 5.0 pada Sabtu lalu di ibu negara membawa isyarat bahawa orang ramai semakin muak dengan sikap Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, situasi itu jelas menjadi tamparan hebat kepada bekas Perdana Menteri itu yang merasakan kehadirannya di dalam perhimpunan itu mampu menarik penyertaan ramai.

“Sejak awal lagi Dr. Mahathir bukan sahaja telah menjalankan kempen malah menganggap populariti yang dimilikinya mampu menarik penyertaan ramai.

“Beliau menjangkakan penyertaan pada Bersih tahun ini lebih ramai daripada tahun lepas, namun sebaliknya pula berlaku. Ini menunjukkan apa yang beliau cakap dulu dan diputarbelitkan menjadi sesuatu yang baharu membuatkan rakyat muak,” katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan ke tapak pasar minggu Batu Kurau, Selama di sini hari ini.

Menurut beliau, demonstrasi boleh merosakkan beberapa kumpulan terutamanya mereka yang telah dipengaruhi persepsi oleh pemimpin tertentu seperti Dr. Mahathir, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir.

“Saya minta sudah-sudahlah, biar orang muda yang memimpin sekarang lakukan. Bagi saya kebanyakan pemimpin yang ada kini juga mahu melihat dan melakukan semua untuk rakyat bagi membolehkan mereka hidup dalam aman dan sejahtera,” katanya.



HAMZAH ZAINUDDIN singgah di sebuah gerai menjual sayur-sayuran ketika melawat pasar minggu Batu Kurau sebelum merasmikan program penyerahan cek kepada koperasi di Larut, Perak, semalam. - UTUSAN/AZHARUL NASARUDDIN

Sementara itu, beliau turut mengulas adalah tidak mustahil bagi Barisan Nasional (BN) dan Pas duduk semeja dan berbilang demi kesejahteraan rakyat.

“Pemimpin Pas memahami bahawa Pakatan Harapan diketuai DAP hanya mampu bercakap dan tidak melakukan mengikut tindakan sewajarnya. Parti itu juga tidak mahu bersama dengan kumpulan yang banyak hipokasi,” katanya.



Beliau menjangkakan penyertaan pada Bersih tahun' ini lebih ramai daripada tahun lepas namun sebaliknya pula berlaku. Ini menunjukkan apa yang beliau cakap dulu dan diputar belitkan menjadi sesuatu yang baharu membuatkan rakyat muak.”

HAMZAH ZAINUDIN
Ahli Majlis Tertinggi UMNO